

Stok makanan dijangka bertahan 45 hari

➔ Pengusaha dalam bidang pertanian makanan perlu ditambah

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Kestabilan bekalan makanan di Malaysia berada pada tahap membimbangkan berikutan kebergantungan terlalu tinggi terhadap sumber import, dengan jangkaan stok bekalan makanan ruji negara ketika ini hanya mampu bertahan untuk tempoh 45 hari sahaja.

Pakar sekuriti makanan yang juga Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Da-

tuk Dr Mad Nasir Shamsuddin, mengklasifikasikan tahap sekuriti makanan di Malaysia berada pada kedudukan rapuh.

Situasi itu katanya, jika tidak dikawal, mengundang kepada berlakunya krisis bekalan makanan terutama apabila hasil di negara sumber terjejas atau menghentikan eksportnya.

"Malaysia mungkin bersedia dalam situasi tiada bencana alam besar seperti gempa bumi, namun perlu diingat sejarah 2008 apabila Vietnam menghentikan eksport beras, bekalan kita terjejas teruk.

"Sepatutnya, kita mesti menjanjikan dalam apa juga keadaan, makanan mesti cukup," katanya selepas menjadi panel program advokasi ilmuwan bertajuk Sekuriti Makanan Malaysia: Sampai Bila? anjuran bersama Majlis Profesor Negara (MPN) dan *Utusan Malaysia* di UPM, semalam.

Turut menjadi panel dalam program yang diterbitkan Radio Televisyen Malaysia (RTM), Naib Canselor UPM, Prof Datin Dr Aini

Fakta
nombor

RM45.4 BILION
import makanan setahun

RM27.3 BILION
nilai eksport setahun

30 PERATUS
pendapatan dibelanjakan
beli makanan

Idris serta Ketua Kluster Pertanian dan Makanan MPN, Prof Dr Ghizan Salleh.

Suasana ekonomi

Mad Nasir berkata, data tahun lalu menunjukkan Malaysia membelanjakan hampir RM45.4 bilion setahun untuk mengimport makanan dari luar bagi menampung permintaan domestik.

"Bermakna jika ditolak dengan nilai eksport kita iaitu RM27.3 bilion setahun, defisit import kita adalah RM18.1 bilion, jauh lebih tinggi berbanding RM1.1 bilion pada 1990. Jumlah ini tidak stabil, walaupun ketika ini kita tidak berdepan krisis makanan," katanya.

Beliau berkata, situasi sebegini berlaku disebabkan pemain industri pertanian di Malaysia ketika ini lebih cenderung mengusahakan hasil tani berasaskan perladangan, berikutan pulangan lebih tinggi, di samping berisiko rendah.

"Menanam kelapa sawit walaupun keuntungannya lebih rendah berbanding sayur-sayuran, tapi le-

bih mudah dan jimat dari segi kos. Pemikiran seperti ini perlu diubah dengan menambah lebih ramai pengusaha dalam bidang pertanian makanan, bukan hanya bergantung pada petani kecil seperti hari ini," katanya.

Beliau juga mengakui dalam suasana ekonomi tidak menentu seperti kejatuhan nilai ringgit, turut memberi kesan langsung terhadap kos import, sekali gus menyaksikan peningkatan harganya di pasaran.

"Berdasarkan kajian kita, setiap individu akan membelanjakan 30 peratus daripada pendapatan untuk makanan. Jika sesuatu berlaku terhadap ekonomi, kesannya adalah kepada kos pengguna dan keadaan ini begitu dirasakan terutama yang berpendapatan rendah," katanya.

Sementara itu, Ghizan berkata, penyelidikan bidang pertanian ketika ini perlu bertumpu kepada penghasilan baka tanaman yang mampu menahan risiko bencana alam berikutan keadaan Malaysia kerap jerebu, kemarau dan banjir.